

Dr. M: Utara perlu bantu Selatan

Daripada HANAFIAH MAN

JAKARTA 16 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin pihak Utara boleh mengatasi masalah ekonomi yang mereka hadapi dengan cara membantu pembangunan negara-negara Selatan.

Perdana Menteri berkata, langkah itu boleh dicapai sekiranya Utara bersedia memperkaya serta menanam modal mereka di negara-negara Selatan daripada cuba memaksa kehendak mereka terhadap negara-negara berkenaan.

"Daripada cuba untuk menyekat pertumbuhan penduduk di negara-negara Selatan, Utara seharusnya membantu mereka (Selatan) dengan menyediakan kemudahan pendidikan dan menikmati taraf hidup yang lebih baik," katanya.

Beliau menyatakan demikian semasa menyampaikannya ucapan dasar bertajuk 'Hubungan Utara dan Selatan: Masalah dan

Harapan' pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Pembangunan Sumber Daya Manusia yang dianjurkan oleh Pusat Kajian Pembangunan dan Penerangan (CIDES) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berada di Jakarta dalam rangka lawatan kerja dua hari sebagai membalas kunjungan Presiden Suharto ke Malaysia Julai tahun lalu.

Menurut Dr. Mahathir, untuk mengatasi jurang perbezaan antara Utara dan Selatan, perubahan fikiran kedua-dua belah pihak dalam hal berkenaan adalah perlu.

Di pihak Utara mestilah bersedia mengamalkan sikap terbuka walaupun diakui dalam keadaan tertentu negara-negara Selatan masih bergantung kepada Utara, katanya.

"Namun dalam masa yang sama Utara juga masih memerlukan Selatan dan menjadikan Selatan sebagai peminta sedekah, sebenarnya ia tidak menguntungkan pihak Selatan sendiri," ujar beliau.

ngutamakan perebutan kuasa daripada berusaha untuk mewujudkan kemakmuran dan kestabilan.

"Walaupun sering dikritik oleh Utara dengan pelbagai tuduhan pelanggaran undang-undang, ada sahaja pihak yang seolah-olah menggalakkan perebutan kuasa dan menjadikan perkara tersebut sebagai satu pusingan, setiap kali kerajaan baru ditu-

hukkan akan ada yang berusaha untuk menggulingkannya," tambah beliau.

Mengenai hubungan Selatan dan Utara, beliau berkata, hubungan tersebut tidak begitu baik buat masa ini.

"Saya katakan ia tidak baik kerana dasar yang digunakan semuanya salah, ia juga tidak baik kerana yang kuat dan kaya masih tidak bersedia un-

Dalam hal ini, katanya, yang menjadi masalah ialah pihak Utara masih tidak boleh menerima hakikat bahawa ia telah kehilangan jajahan dan penguasaan ekonomi dunia.

"Dengan hanya menguasai politik dunia rasanya masih tidak mencukupi bagi Utara," jelasnya.

Perdana Menteri juga menyatakan, sejak berakhirnya perang dingin, negara-negara Selatan turut kehilangan kuasa untuk membuat pilihan serta untuk dikuasai.

Ini katanya, terbukti apabila Utara dengan mudah menaikkan harga barang mentah dan keluaran mereka semata-mata untuk mencapai keuntungan yang lebih besar dan memuaskan kehendak rakyat mereka bagi menikmati taraf hidup yang tinggi.

"Jika pihak Selatan tidak mampu untuk membayar, ini sebenarnya cukup bahaya," ujarnya.

Di samping itu, kata Dr. Mahathir, Utara yang kononnya cukup peka dengan

masalah hak kemanusiaan dan demokrasi seolah-olah membiarkan nilai Barat yang dipaksakan ke atas negara-negara Selatan membunuh kemampuan bersaing barangan keluaran negara-negara berkenaan.

"Mereka kononnya memperjuangkan nasib pekerja di Selatan dengan menuntut supaya gaji yang besar diberikan tetapi dengan cara itu ia akan menyebabkan upah buruh di negara-negara Selatan meningkat yang akhirnya akan menyebabkan daya saing negara-negara itu sudah tiada lagi.

"Dengan itu kita boleh mempersoalkan apakah usaha mereka itu benar-benar untuk kepentingan pekerja di Selatan. Namun sebenarnya ia lebih mirip kepada usaha melindungi peluang pekerjaan di Utara," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, pihak Selatan juga harus dipersalahkan kerana sikap mereka yang lebih me-

tuk mengubah sikap mereka.

"Mereka masih lagi mahu mengekalkan penjajahan dalam bentuk yang baru dan hubungan itu tidak baik juga disebabkan Selatan masih lagi dalam kegelapan tentang bentuk demokrasi dan kompleksnya pasaran bebas dan untuk masa yang panjang mereka akan terus dalam kegelapan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, mungkin Selatan lemah dan miskin tetapi itu tidak bermakna mereka akan merendahkan diri seperti dahulu semula.

"Selain itu jika ada usaha yang ikhlas serta kesediaan untuk berubah, masa hadapan Utara dan Selatan akan lebih baik," jelasnya. — *Utusan*.